SKEMA TERENGGANU (PERCUBAAN SPM 2025)



| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 1(a) (i) | **Maksud *sunnatullah* :**<br><br>Sistem / peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk /[1m] dan tiada siapa yang boleh menghalang / mengubah ketetapan tersebut. /[1m]<br><br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Kesan apabila kita memahami *sunnatullah* dalam kehidupan:**<br><br>F1 Meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan / kehendak Allah SWT yang Maha Bijaksana.<br>F2 Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan.<br>F3 Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif dalam setiap keadaan.<br>F4 Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan / kemajuan umat Islam.<br>F5 Membentuk jati diri / semangat jihad yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran kehidupan.<br><br>*Mana-mana jawapan munasabah diterima.<br><br>**1F x 2m = 2m** | 2<br>2<br>2<br>2<br>2<br><br>**Mak=2m** |
| (iii) | **Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.** | KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>**Mak=4m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh / sebab / dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi :**

- Pembelajaran berterusan.
- Urus masa dengan berkesan.
- Merancang strategi dengan teliti.
- Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif dalam setiap keadaan.

**Contoh Jawapan:**

Saya menyokong pernyataan di atas dengan belajar bersungguh-sungguh dalam pelajaran untuk mencapai impian saya **[ISI]**. Hal ini memerlukan saya merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan **[H]**. Contohnya pengurusan masa untuk mengimbangi tanggungjawab lain dalam hidup dengan mengelakkan gangguan luar dan lebih fokus untuk berjaya **[HL]**. Kesimpulannya, kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa terhadap ketetapan Allah SWT agar impian kita tercapai akhirnya **[K]**.

| NO SOALAN | | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|
| 1(b) | | **Jenis Ibtida' dan hukum bacaannya :** | |
| | | F1 Ibtida' Hasan. /1m | 1 |
| | | Cara bacaannya : harus ./1m | 1 |
| | | F2 Ibtida' Qobih. /1m | 1 |
| | | Cara bacaannya : tidak harus ./1m | 1 |
| | | **2F x 1m = 2m** | **Mak=2m** |
| 1(c) | (i) | **Maksud kalimah bergaris :** | |
| | | F1 ظلّ – Naungan / Perlindungan | 1 |
| | | F2 شابّ – Pemuda | 1 |
| | | **2F x 1m = 2m** | **Mak=2m** |
| | (ii) | **Dua cara untuk menjadi seorang yang hatinya mencintai masjid :** | |
| | | F1 Menunaikan solat fardu secara berjamaah. | 2 |
| | | F2 Menyertai aktiviti di masjid. | 2 |
| | | F3 Menghadiri majlis ilmu di masjid. | 2 |
| | | F4 Zikrullah dan tadabbur al-Quran di masjid. | 2 |
| | | F5 Membantu menguruskan masjid. | 2 |
| | | F6 Mendidik keluarga mencintai masjid. | 2 |
| | | *Mana-mana jawapan munasabah diterima. | |
| | | **2F x 2m = 4m** | **Mak=4m** |
| | (iii) | **Tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah. Pada pendapat anda, mengapakah amalan ini kian pudar diamalkan dalam kalangan masyarakat?** | **KBAT 4m**<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br>**Mak=4m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh / sebab / dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi :**

- Cinta dunia yang berlebihan.
- Kurang didikan agama.
- Sikap individualistik.

**Contoh jawapan :**

Pada pendapat saya, amalan ini kian pudar kerana masyarakat semakin mementingkan diri sendiri **[ISI]** sehingga tidak mempedulikan keadaan orang yang berada di sekeliling **[H]**. Kesannya, sikap empati terhadap golongan yang memerlukan dilihat hanya menjadi tanggungjawab golongan berada sahaja **[HL]**. Kesimpulannya, kita hendaklah mengikis sifat mazmumah ini agar amalan bersedekah kembali subur demi kesejahteraan ummah **[K]**.

RA - JA - SYA - MUN





| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 2(a) (i) | **Maksud al-Muntaqim :**<br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas /1m dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas. /1m<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua bukti Allah SWT bersifat al-Muntaqim :**<br>F1 Allah SWT memberikan pembalasan dengan **siksaan neraka** terhadap orang yang **menolak peringatan al-Quran.**<br>F2 Allah SWT menimpakan **azab dalam peristiwa al-Dukhan** iaitu kaum Quraisy ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana mereka **menolak dakwah Rasulullah SAW.**<br>F3 Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang **menentang agamanya** setelah **diutuskan rasul** dan diberi keterangan yang jelas.<br>**2F x 2m = 4m** | 2<br>2<br>2<br>**Mak=4m** |
| (iii) | **Berdasarkan dalil al-Quran di atas, kaitkannya dengan kesan keimanan terhadap nama Allah SWT al-Muntaqim.** | KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>**Mak=4m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh / sebab / dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi :**
- Iman bertambah mantap.
- Memelihara diri daripada melakukan dosa.
- Takut untuk mengingkari perintah Allah SWT.
- Sentiasa melakukan amalan baik dan mulia.

**Contoh jawapan :**
Individu yang mengimani Allah SWT bersifat al-Muntaqim akan bertambah kemantapan imannya **[ISI]**. Hal ini adalah kerana mereka meyakini bahawa Allah SWT Maha Pembalas terhadap orang yang mengingkari dan melampaui batas **[H]**. Kesannya mereka akan mengamalkan sifat mahmudah yang terpuji lantaran takut terjerumus ke lembah dosa **[HL]**.Oleh itu, kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang menolak dan menentang agama agar terhindar daripada balasan azab Allah SWT di akhirat kelak **[K]**.

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 2(b) (i) | **Maksud Ahli Sunah Wal Jamaah :**<br>Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al-Sunah /1m menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in /1m dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak./1m<br><br>*Frasa pertama mesti ada.<br>**2F x 1m = 2m** | <br>1<br>1<br><br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua prinsip akidah Ahli Sunah Wal Jamaah :**<br>F1 Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan perbuatan sebagai bukti **kesempurnaan iman.**<br>F2 Segala perbuatan manusia dicipta oleh Allah SWT namun manusia diberi pilihan atau kehendak untuk melakukannya ataupun tidak serta dihitung baginya **dosa dan pahala.**<br>F3 Meyakini kewujudan **perkara-perkara ghaib** seperti yang diwahyukan dalam al-Quran dan al-Sunah antaranya termasuklah persoalan kubur, hari akhirat, titian sirat, mizan, malaikat, jin dan sebagainya.<br>F4 Meyakini bahawa **syurga dan neraka** telah wujud sebelum dijadikan makhluk. Kewujudan syurga dan neraka adalah kekal selama lamanya.<br>F5 **Syafaat Rasulullah SAW** adalah dengan izin Tuhan-Nya termasuklah syafaat baginda untuk pelaku dosa besar kerana mereka masih dikira beriman.<br>F6 **Perutusan para nabi dan rasul** adalah harus bagi Allah SWT dan merupakan rahmat Allah SWT kepada manusia.<br>**2F x 2m = 4m** | <br>2<br>2<br>2<br>2<br>2<br>2<br>**Mak=4m** |
| (iii) | **Berdasarkan iklan di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku dalam masyarakat sekiranya isu ini tidak dibendung.** | KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>**Mak=4m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh / sebab / dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi :**
- Akidah masyarakat akan terpesong dari landasan yang benar.
- Masyarakat huru hara/ berpecah-belah/ porak peranda/ putus silaturahim.
- Amalan masyarakat tidak diterima/ sia-sia / tiada pahala.
- Membentuk masyarakat yang bersikap agresif dan kasar.

**Contoh jawapan :**
Masyarakat akan huru hara dan berpecah belah **[ISI]**. Ini disebabkan oleh pengaruh ajaran sesat dan kepercayaan khurafat yang mendominasi hidup mereka **[H]**. Kesannya akidah akan terpesong daripada landasan pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah yang benar **[HL]**. Oleh itu kita hendaklah bertaubat dan berdoa kepada Allah SWT agar sentiasa berada di jalan yang lurus dan diredai Allah SWT **[K]**.

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 3(a) (i) | **Dua jenis tahallul :**<br>F1 Tahallul Awal<br>F2 Tahallul Thani.<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua contoh larangan ihram dari aspek alam sekitar :**<br>F1 Memburu binatang buruan.<br>F2 Memotong atau merosakkan tumbuhan.<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (iii) | **Mengapakah situasi di atas berlaku setiap tahun ?** | KBAT<br>2m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br><br>**Mak=2m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |

**Cadangan jawapan :**
Terpengaruh dengan tawaran yang murah kerana tidak menyelidik dengan mendalam.
*Mana-mana jawapan munasabah diterima.

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| (iv) | **Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perbuatan ini berleluasa di Malaysia.** | KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>**Mak=4m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi:**
- Imej Islam akan tercemar.
- Kesukaran mendapatkan visa haji
- Kerugian harta / masa / tenaga

**Contoh jawapan :**
Kemungkinan yang akan berlaku ialah imej umat Islam akan tercemar **[ISI]**. Hal ini kerana umat Islam sendiri yang melakukan penipuan melibatkan ibadah dalam Islam **[H]**. Kesannya usaha dakwah Islam terbantut **[HL]**. Oleh itu, kita hendaklah berhati-hati ketika memilih pakej umrah dan haji agar tidak tertipu oleh manusia yang bersikap tamak **[K]**.

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 3(b) (i) | **Dua jenis hukuman bagi kesalahan mencuri :**<br>F1 Potong tangan<br>F2 Memulangkan barang yang dicuri<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Hikmah hukuman jenayah dalam Islam :**<br>F1 Menegakkan keadilan dalam kalangan manusia<br>H1 **agar** dapat hidup dengan sejahtera.<br>F2 Mendidik dan menghukum bagi sebarang kesalahan dan maksiat yang dilakukan<br>H2 **supaya** mendapat pengampunan daripada Allah SWT.<br>F3 Menjamin keselamatan, kestabilan dan kedamaian<br>H3 **bagi** masyarakat dan negara.<br>F4 Merancakkan pertumbuhan ekonomi<br>H4 **tanpa** bimbang kepada sebarang rampasan dan kecurian.<br>**TERANGKAN : 1F x 1m = 1m**<br>**1H x 1m = 1m** | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Mak=2m** |
| 3(c) (i) | **Maksud Hadanah :**<br>Penjagaan kanak-kanak yang masih kecil /1m dan belum berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri./1m<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Encik Ahmad mempunyai seorang anak angkat bernama Lukman. Oleh kerana beliau tidak mempunyai anak kandung, beliau sangat sayangkan Lukman dan telah mewasiatkan seluruh hartanya kepada Lukman.**<br>**Huraikan pandangan anda berdasarkan situasi di atas.** | KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>**Mak=4m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi :**

- Tindakan tidak menepati syarak
- Anak angkat boleh menerima harta wasiat tetapi dengan syarat.

**Cadangan jawapan :**

Pada pandangan saya, tindakan Encik Ahmad tidak menepati syarak **[ISI]**. Hal ini kerana harta yang diwasiatkan tidak boleh melebihi daripada satu pertiga harta **[H]**. Impaknya, waris-waris akan kehilangan hak mereka jika kesemua harta tersebut diwasiatkan **[HL]**. Oleh itu, kita hendaklah mempelajari hukum hakam agama agar semua tindakan kita dalam keredhaan-Nya **[K]**.

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 4(a) (i) | **Bilangan khalifah dan pusat pemerintahan kerajaan Abbasiyah :**<br>F1 Bilangan khalifah : 37 orang<br>F2 Pusat pemerintahan : Baghdad<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua sumbangan Abu Al Abbas Abdullah bin Muhammad Ali As Safah :**<br>F1 Mengasaskan kerajaan Abbasiyah.<br>F2 Mengembalikan keamanan dengan mematahkan serangan luar dari Parsi dan Byzantin.<br>F3 Menstabilkan keamanan dalam negara dengan mematahkan pemberontakan oleh golongan Syiah dan Khawarij.<br>**2F x 2m = 4m** | 2<br>2<br>2<br>**Mak=4m** |
| 4(b) (i) | **Sebab kemerosotan kerajaan Uthmaniyah selain aspek ekonomi :**<br>F1 Teknologi ketenteraan yang ketinggalan berbanding dengan kuasa barat sehingga kalah dalam peperangan.<br>F2 Gerakan yang menuntut kemerdekaan daripada wilayah-wilayah menyebabkan negara tidak stabil.<br>F3 Kelemahan sistem pendidikan menyebabkan kekurangan tenaga mahir untuk membangunkan negara.<br>F4 Persaingan politik dalaman istana dan perebutan dalam kalangan putera-putera raja untuk mendapatkan kuasa.<br>**1F x 2m = 2m** | 2<br>2<br>2<br>2<br>**Mak=2m** |

**4(b) (ii)**

**Kemerosotan ekonomi dan beban hutang negara yang tinggi.**
**Bagaimanakah anda sebagai seorang pemimpin boleh mengambil iktibar daripada pernyataan di atas?**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh / sebab / dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

MARKAH: KBAT 4m; Isi=1m, H=1m, HL=1m, K=1m; **Mak=4m**

**Cadangan isi :**

- Menguruskan sumber negara dengan betul.
- Menjauhi sikap berhutang dengan negara luar.

**Contoh jawapan :**

Sebagai seorang pemimpin, saya akan menguruskan sumber negara dengan betul **[ISI]**. Hal ini supaya sistem pengurusan kewangan negara menjadi lebih sistematik **[H]** . Impaknya, ekonomi negara bertambah maju **[HL]**. Oleh itu kita hendaklah berusaha menjadi pemimpin yang berwibawa dari segala aspek agar negara aman dan makmur **[K]**.

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 4(c) (i) | **Riwayat hidup Profesor Dr. Ahmad bin Ibrahim** | |
| | F1 Nama sebenar : Ahmad bin Muhamad Ibrahim | 1 |
| | F2 Tarikh Lahir : 15 Mei 1916 | 1 |
| | F3 Tarikh Meninggal Dunia : 17 April 1999 | 1 |
| | F4 Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Doktor | 1 |
| | F5 Pekerjaan :<br>• Pensyarah Kuliah Undang-undang di UIAM<br>• Hakim Mahkamah Rayuan<br>• Hakim Mahkamah Syariah | 1 |
| | F6 Ketinggian akhlak :<br>• Suka menyebarkan ilmu<br>• Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan. | 1 |
| | F7 Tahap Pendidikan :<br>• Victoria Bridge School / Raffles Institution / Raffles College / University Of Cambridge . | 1 |
| | **2F x 1m = 2m** | **Mak=2m** |
| (ii) | **Dua sumbangan beliau dalam bidang kehakiman :** | |
| | F1 Hakim Mahkamah Rayuan | 1 |
| | F2 Hakim Mahkamah Syariah | 1 |
| | **2F x 1m = 2m** | **Mak=2m** |
| (iii) | **Profesor Dr. Ahmad bin Ibrahim telah berjaya menghasilkan buku-buku berkaitan dengan undang-undang di Malaysia seperti :**<br>**i. Sistem Undang-undang Malaysia**<br>**ii. Islamic Law in Malaysia.** | |
| | **Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mampu meraih kecemerlangan dalam pembelajaran sebagaimana Profesor Dr. Ahmad bin Ibrahim?** | KBAT 4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>**Mak=4m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap.<br>Contoh / sebab / dalil sokongan /<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi :**

- Berusaha meneroka ilmu sehingga berjaya menghasilkan jurnal.
- Tekun berusaha sehingga mencapai apa yang dicita-citakan.
- Mengkaji dalam bidang yang diminati sebagai bukti cintakan ilmu.

**Contoh jawapan :**

Saya boleh mencontohi beliau dengan berusaha bersungguh-sungguh meneroka ilmu **[ISI]** sehingga berjaya menghasilkan jurnal. Hal ini dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pelbagai bidang **[H]**. Kesannya, saya akan mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi **[HL]**. Kesimpulannya kita hendaklah mendalami pelbagai pengetahuan agar ilmu dapat dimanfaatkan untuk ummah **[K]**.

<table>
<tr><th>NO SOALAN</th><th></th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>5(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud orang kurang upaya :<br>Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat /1m dari segi fizikal, intelektual atau pancaindera sejak lahir atau selepasnya. /1m<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua adab terhadap orang kurang upaya dari segi emosi :<br>F1 Memberikan layanan dengan penuh kasih sayang terhadap mereka.<br>F2 Tidak mengejek dan menghina mereka.<br>*Mana-mana jawapan munasabah diterima.<br>2F x 1m = 2m</td><td>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Hikmah beradab terhadap orang kurang upaya :<br>F1 Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya<br>H1 kerana mendapat perhatian dan keistimewaan.<br>F2 Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat<br>H2 agar perpaduan dapat diwujudkan.<br>F3 Melahirkan rasa syukur<br>H3 kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna.<br>F4 Memudahkan orang kurang upaya melakukan urusan<br>H4 agar urusan berjalan lancar.<br>*Mana-mana jawapan munasabah diterima.<br>TERANGKAN : 1F x 1m = 1m<br>1H x 1m = 1m</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>Mak=2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iv)</td><td>Berdasarkan gambar di atas, huraikan pendapat anda bagaimana situasi ini boleh diatasi.
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh / sebab / dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh / sebab / dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi :<br>• Meningkatkan kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat .<br>• Menjauhi sikap mementingkan diri.<br>• Bersikap bertimbang rasa sesama manusia.<br><br>Contoh jawapan :<br>Tindakan yang sepatutnya diambil oleh masyarakat berkaitan situasi menyalahgunakan kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) ialah sentiasa meningkatkan kesedaran sivik dan keprihatinan terhadap hak golongan istimewa ini [ISI]. Hal ini kerana setiap individu mempunyai tanggungjawab sosial untuk memastikan kemudahan awam digunakan dengan beretika dan tidak disalahgunakan [H]. Impaknya, kemudahan tersebut dapat digunakan oleh mereka yang benar-benar memerlukan seperti OKU dan warga emas, sekali gus mencerminkan masyarakat yang bertamadun dan prihatin [HL]. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berfikir secara matang dan meletakkan diri di tempat golongan OKU agar dapat menghormati hak mereka dan membentuk masyarakat penyayang [K].</td><td>KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>Mak=4m</td></tr>
</table>

| NO SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 5(b) (i) | **Maksud ujub :**<br>Berasa bangga dengan amalan dan kelebihan /[1m]<br>yang ada pada diri sendiri./[1m]<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (ii) | **Dua contoh sifat ujub :**<br>F1 Berasa bangga dengan kehebatan ilmu yang dimiliki.<br>F2 Merasakan diri lebih soleh berbanding orang lain.<br>*Mana-mana jawapan munasabah diterima.<br>**2F x 1m = 2m** | 1<br>1<br>**Mak=2m** |
| (iii) | **Cara meninggalkan sifat mazmumah :**<br>F1 Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah.<br>F2 Sentiasa muhasabah diri agar terhindar daripada sifat mazmumah.<br>F3 Sentiasa mengawal keinginan nafsu yang suka akan kemegahan dunia seperti harta, pangkat dan jawatan.<br>F4 Sentiasa berzikir kepada Allah SWT untuk menyucikan jiwa seperti beristighfar dan bertasbih.<br>F5 Mencontohi akhlak mulia para rasul dan sahabat dalam kehidupan.<br>F6 Sentiasa bersahabat dengan rakan yang berakhlak mulia agar sentiasa istiqamah mengamalkan sifat mahmudah.<br>*Mana-mana jawapan munasabah diterima.<br>**1F x 2m = 2m** | 2<br>2<br>2<br>2<br>2<br>2<br>**Mak=2m** |
| (iv) | **Pepatah melayu ada mengatakan : "Seperti burung merak, megah dengan bulunya". Sejauhmanakah sifat ini boleh menjejaskan hubungan seseorang dengan dengan orang lain? Huraikan.** | KBAT<br>4m<br><br>Isi=1m<br>H=1m<br>HL=1m<br>K=1m<br><br>**Mak=4m** |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi & huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh / sebab / dalil sokongan. | 3m |
| Menjelaskan isi & huraian lengkap. Contoh / sebab / dalil sokongan / Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi :**

- Menyebabkan hubungan menjadi renggang dan kurang mesra.
- Menimbulkan perasaan kurang senang dan rasa rendah diri.
- Menimbulkan konflik dan perselisihan dalam masyarakat.

**Contoh Jawapan :**

Sifat ini boleh menjejaskan hubungan seseorang dengan orang lain kerana boleh menyebabkan hubungan menjadi renggang dan kurang mesra **[I]**. Hal ini berlaku kerana sikap suka membanggakan diri dan menunjuk-nunjuk kelebihan boleh menimbulkan rasa tidak selesa dalam kalangan orang sekeliling serta mengundang persepsi negatif **[H]**. Impaknya, orang lain akan menjauhkan diri, komunikasi menjadi terbatas, dan suasana mesra akan hilang dalam hubungan harian seperti persahabatan dan kekeluargaan **[HL]**. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan sikap rendah diri dan sentiasa menjaga hati orang lain agar hubungan yang terjalin dapat dikekalkan dalam suasana yang harmoni dan penuh kasih sayang **[K]**.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**